

27/03/1997

Komputer tukar Boeing jadi pejabat

Ismail Hashim

IKLAN AT & T di Amerika sekitar 1994 dan 1995 amat menarik. Ia menunjukkan pengaruh korporat transnasional dalam industri multimedia dan komputer.

Frasa menarik dalam iklan itu adalah `You Will' (Anda boleh). Iklan itu bermula dengan `Have you ever opened the door with the sound of your voice?' (Pernahkah kamu membuka pintu hanya dengan nada suara anda) dengan iringan muzik latar yang membuka wilayah persempadanan elektronik yang meluas itu. Jawabnya: "You will."

Dibawa kepada anda oleh ibu segala syarikat komunikasi, masa depan AT & T berada dalam tradisi terbaik teknologi utopia yang akan diwarisi generasi akan datang.

Apa yang ingin diperkatakan di sini ialah impian korporat itu ke arah kehidupan saling berhubung dalam dunia komputer dari pejabat ke rumah.

Kerja di pejabat akan berubah tempat memasuki ruang tamu dan bilik tidur, kerja akan berlarutan sehingga malam: Skrin video, telefon dan komputer jenis laptop dapat menukar kapal terbang Boeing 777 yang baru menjadi sebuah pejabat di udara.

Dengan keadaan sedemikian, kerja tidak dapat dielakkan, tiada alasan dapat diberikan, pejabat maya ada di mana-mana dan manusia dikongkong dunia komputer.

Tetapi bilakah masanya untuk berehat dan apakah tidak ada perkara lain yang difikirkan selain komputer? Bagaimana dengan persoalan agama dan budaya? Apakah agama dan budaya juga dikomputerkan.

"Jika anda tidak menutup pintu kepada kerja anda," kata Peter G Hanson, pengarang buku Stress for Success: "Ia akan melimpah masuk ke dalam bidang lain hidup anda, menjadikannya sukar untuk memberikan tumpuan terhadap perkara lain."

Dalam iklan AT & T perkataan `You Will' itu memperlihatkan seorang eksekutif muda dihubungkan kepada satu sidang video dari sebuah tempat pelancongan di tepian pantai: "Pernahkah anda menghadiri mesyuarat dengan berkaki ayam?" Jawabannya: "You Will" dan syarikat yang akan membawanya untuk anda ialah AT & T.

Ada iklan pula menunjukkan seorang ibu Yuppie (Young Urban Professional) dalam urusan perniagaan di luar sedang cuba menidurkan anaknya dengan menggunakan skrin videofon: "Pernahkah anda menidurkan anak dari pondok telefon? Anda boleh (You Will)."

Malah apa yang dikatakan `You Will' ini dapat dilihat dalam iklan syarikat telekomunikasi tempatan (tetapi tidak secara langsung).

Tetapi mesej iklan `You Will', melalui impian wawasan sebuah korporat ternama di dunia itu seperti ingin menguasai dan mengarah bahawa kita akan mengharungi masa depan yang tiada alternatif.

Iklan ini menerima kritikan meluas daripada kalangan yang kritikal terhadap penghidupan alternatif di Barat.

Sebuah majalah pengkritik media dari Kanada, Adbuster (Vol. 3, No. 3) musim sejuk 1995 menyiarkan iklan berbentuk sindiran kepada iklan `You Will' itu.

Iklannya berbunyi: "Pernahkah anda berasa tertekan atau dimanipulasikan oleh media? Jawabnya Anda Akan ... (You Will)."

Iklan ini cuba mengingatkan kita kepada pengawasan teknologi seperti sistem pengesanan kedudukan sejagat dalam pengemudi papan pemuka yang dapat memberitahu di mana anda berada, juga membolehkan pemasaran dilakukan di mana-mana saja bumi.

Banyak lagi iklan kritikan yang timbul seperti 'Pernahkah Anda Cuba' hidup dalam dunia yang dibayangi korporat utama? Jika anda menganggap sebagai suatu kehidupan, maka anda akan melaluinya (You Will).

Dalam dunia siber walkman kapal terbang-faks-telefon-satelit, kita dipagari realiti teknikal cepatan tinggi dengan nilai sosial dan krisis alam sekitar terlalu kabur.

Tidak keterlaluan dikatakan, budaya kita yang terbenam dalam bentuk ilmu pengetahuan berasaskan data dan kepada maklumat yang disalurkan dalam bentuk digital sedang mengorbankan ilmu pengetahuan asli (berasaskan pemilikan harta intelektual seperti dilakukan Bill Gates dengan Window Explorernya), kontekstual dan berasaskan ingatan, sesuatu yang harus kita fikirkan kesannya.

Ini memandangkan ia masih baru dan tidak pula diketahui dengan terperinci kesannya yang mungkin dalam keghairahan mengejar teknologi maklumat ini sedikit saja yang memberikan perhatian kepada sosial, alam sekitar dan sebagainya lagi.

Pengalaman di Barat itu perlu kita elakkan berlaku dan tersebar di negara kita. Kita berharap Koridor Raya Multimedia (MSC) tidak menuju sehalu dan satu tujuan saja.

Penggunaannya harus bersifat wajar, seimbang, adil dan tidak menumpukan aspek saja.

Walaupun kita akan menerima kedatangan syarikat asing, aspek ini harus kita awasi dan dibendung.

Kita juga tidak menafikan kepentingan MSC sebagaimana diterangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad mempertahankan kepentingan negara serta menangani era teknologi maklumat yang menjadikannya asas kehidupan abad akan datang.

Beliau menjelaskan MSC boleh digunakan untuk menangkis kemasukan maklumat negatif serta memberi peluang kepada Malaysia membuat serang balas (BH, 12 Mac 1997).

MSC Malaysia dimajukan dengan 2.5 hingga 10 gigabit gentian optik digital membabitkan tujuh aplikasi iaitu kerajaan elektronik; teleperubatan; sekolah pintar; kad pintar; penyelidikan dan pembangunan; web pembuatan seluruh dunia; serta pusat pasaran tanpa sempadan.

(END)